

INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)<https://gaexcellence.com/ijepe>**KRISIS ADAB DALAM PENDIDIKAN ISLAM ERA
DIGITAL: PENSTRUKTURAN SEMULA IDENTITI GURU
BERASASKAN MODEL 5M DAN PEMIKIRAN IBNU
KHALDUN***THE CRISIS OF ADAB IN ISLAMIC EDUCATION IN THE DIGITAL ERA:
RESTRUCTURING TEACHER IDENTITY BASED ON THE 5M MODEL
AND IBN KHALDUN'S THOUGHT*Mohd Mutawalli Sya'rawi Mohamad^{1*}, Mohd Nor Mamat², Fatin Nabilah Abdul Wahid³¹Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam, Malaysia wallie.albakri@gmail.com <https://orcid.org/0009-0006-4111-5922>²Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam, Malaysia mohdnoor@uitm.edu.my <https://orcid.org/0000-0002-8370-3574>³Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam, Malaysia afatinna@uitm.edu.my <https://orcid.org/0000-0003-3209-7137>

*Corresponding Author

Article Info:**Article history:**

Received date: 16.07.2026

Revised date: 30.07.2026

Accepted date: 20.08.2026

Published date: 20.09.2026

Abstrak:

Kajian ini dijalankan bagi meneliti fenomena kemerosotan adab dalam Pendidikan Islam dalam konteks era digital serta merumuskan semula pembinaan identiti guru melalui Model 5M berasaskan pemikiran Ibnu Khaldun. Dalam landskap pendidikan yang dipacu teknologi dan kecerdasan buatan masa kini, peranan guru dilihat semakin kompleks apabila wujudnya ketidakseimbangan antara penguasaan ilmu dan pembentukan sahsiah, sekali gus menjejaskan kualiti adab dalam ekosistem pendidikan. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah analisis kandungan terhadap karya utama Ibnu Khaldun, khususnya al-Muqaddimah, serta rujukan sekunder berkaitan falsafah Pendidikan Islam dan cabaran pendidikan kontemporari. Analisis kajian memfokuskan terhadap konsep malakah, adab dan tadarruj sebagai asas pembinaan kompetensi guru yang menyeluruh dan berterusan. Hasil

To cite this document:

Mohamad, M. M. S., Mamat, M. N., & Wahid, F. N. A. (2026). Krisis Adab Dalam Pendidikan Islam Era Digital: Penstrukturan Semula Identiti Guru Berasaskan Model 5m Dan Pemikiran Ibnu Khaldun. *International Journal of Education, Psychology and Counselling*, 11(64), 1020-1044.

DOI:10.35631/IJEPC.1164053

sintesis konseptual kajian menunjukkan bahawa krisis adab bukan sahaja dipengaruhi oleh faktor teknologi, tetapi turut berpunca daripada kelemahan dalam membentuk identiti guru yang tidak bersepadu. Model 5M yang merangkumi peranan sebagai murabbi, muallim, muaddib, mudarris dan mursyid dikenal pasti sebagai kerangka konseptual yang berupaya mengintegrasikan dimensi intelektual, spiritual, akhlak dan pedagogi, seterusnya membentuk guru yang seimbang dan responsif terhadap tuntutan era digital. Kesimpulannya, pengukuhan identiti guru Pendidikan Islam memerlukan peralihan daripada pendekatan berasaskan kompetensi semata-mata kepada pendekatan holistik yang menekankan pembinaan adab serta penguasaan malakah sebagai asas profesionalisme. Kajian ini turut menyumbang kepada pengembangan wacana Pendidikan Islam kontemporari dengan mengemukakan kerangka konseptual yang menghubungkan pemikiran Ibnu Khaldun dengan keperluan pendidikan masa kini.

Kata Kunci:

Ibnu Khaldun, Identiti Guru Holistik, Konsep Malakah, Krisis Adab, Pendidikan Islam Era Digital

Abstract:

This study aims to examine the phenomenon of the decline of adab in Islamic education within the context of the digital era, as well as to reconceptualize the construction of teacher identity through the 5M Model based on the thought of Ibn Khaldun. In today's technology-driven and artificial intelligence-oriented educational landscape, the role of teachers has become increasingly complex due to the imbalance between knowledge acquisition and character formation, which consequently affects the quality of adab within the educational ecosystem. This study adopts a qualitative approach using content analysis of Ibn Khaldun's major work, particularly al-Muqaddimah, along with selected secondary sources related to Islamic educational philosophy and contemporary educational challenges. The analysis focuses on the concepts of malakah, adab, and tadarruj as foundational elements in developing comprehensive and continuous teacher competencies. The findings reveal that the crisis of adab is not solely influenced by technological factors, but is also closely linked to the lack of an integrated teacher identity. The 5M Model, which encompasses the roles of murabbi, muallim, muaddib, mudarris and mursyid, is identified as a conceptual framework capable of integrating intellectual, spiritual, moral, and pedagogical dimensions, thereby shaping teachers who are balanced and responsive to the demands of the digital era. In conclusion, strengthening the identity of Islamic education teachers requires a shift from a competency-based approach to a more holistic approach that emphasizes the cultivation of adab and the development of malakah as the foundation of professionalism. This study contributes to the advancement of contemporary Islamic education discourse by proposing a conceptual framework that bridges Ibn Khaldun's classical thought with the realities of modern digital education.



© The authors (2026). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium,

Keyword:

Adab Crisis, Digital Islamic Education, Holistic Teacher Identity, Ibn Khaldun, Malakah Concept

Pengenalan

Perkembangan pesat teknologi digital, kecerdasan buatan (Artificial Intelligence), Internet of Things (IoT) telah mengubah landskap pendidikan secara menyeluruh, sekali gus mempercepat peralihan ke arah ekosistem pembelajaran yang lebih pintar. Dalam era Revolusi Industri 5.0, teknologi berperanan sebagai pemangkin kepada transformasi pedagogi, pentaksiran, pengurusan pembelajaran dan pembangunan kompetensi guru. Transformasi digital telah mengubah cara ilmu disusun, disampaikan dan dinilai dalam sistem pendidikan. Kemajuan teknologi internet dan kecerdasan buatan pada masa kini memberi kesan yang mendalam terhadap pelbagai aspek kehidupan manusia, termasuk ekonomi, budaya, sosial dan pendidikan (Arinushkina et al., 2023). Dalam konteks bilik darjah, perubahan ini membawa manfaat yang jelas. Capaian terhadap sumber ilmu semakin luas, proses pentaksiran menjadi lebih pantas dan pembelajaran boleh disesuaikan mengikut keupayaan seseorang individu. Di Malaysia, peralihan tersebut dipercepat oleh dasar pendidikan digital kebangsaan, khususnya selepas pengalaman pengajaran yang dijalankan secara dalam talian sepanjang tempoh pandemik (Zaki et al., 2025).

Namun satu persoalan asas kekal belum terjawab. Adakah kepantasan ini turut membentuk insan yang beradab? Rosmawati dan Norhapizah (2024) menegaskan bahawa kepelbagaian maklumat yang mudah diakses melalui internet menuntut keupayaan penapisan yang kukuh terhadap aspek intelektual, emosi, rohani dan psikologi. Tanpa keupayaan tersebut, kemudahan capaian bertukar menjadi beban. Corak permasalahan yang terhasil kini semakin ketara. Pelajar menyerahkan tugas yang dijana sepenuhnya oleh aplikasi generatif tanpa melalui proses berfikir. Persoalan hukum pula dirujuk melalui carian pantas tanpa penelitian konteks yang sebenar. Interaksi antara guru dan pelajar dalam ruang lingkup maya sering kehilangan sempadan hormat yang selama ini terbina dalam budaya ilmu Islam (Rustim et al., 2022). Gejala ini menunjukkan bahawa masalah yang dihadapi bukan terletak pada kekurangan teknologi, malah pada kelemahan asas adab yang sepatutnya mengawal penggunaannya. Dalam kerangka Pendidikan Islam, ilmu yang tidak disertai dengan adab tidak menghasilkan insan yang berilmu, sebaliknya menghasilkan pemilik maklumat yang tidak bertanggungjawab.

Usaha yang dilaksanakan pada masa kini cenderung menjawab permasalahan secara teknikal. Latihan dalam perkhidmatan yang disediakan oleh pihak kerajaan menumpukan kepada kemahiran menggunakan aplikasi, penyediaan bahan interaktif serta pengukuhan kompetensi digital guru (Azman, 2024). Pendekatan sedemikian amatlah penting, tetapi ia hanya menyelesaikan persoalan kaedah dan bukan soal nilai. Ruhaiza (2021) menegaskan, ketidakseimbangan yang sama kelihatan dalam amalan pendidikan secara umum, apabila pencapaian akademik dan penguasaan kemahiran teknikal diberi penekanan sedangkan pembinaan sahsiah tidak menerima perhatian yang setara. Implikasinya, identiti guru Pendidikan Islam sukar berkembang secara holistik apabila dimensi intelektual, spiritual, akhlak dan pedagogi dibangunkan secara berasingan tanpa integrasi yang menyeluruh. Situasi ini menjadi semakin mencabar dalam ekosistem pembelajaran digital yang mengurangkan interaksi antara guru dan pelajar, sekali gus mengehadkan fungsi guru sebagai *muaddib*, pembimbing nilai dan teladan akhlak. Pembentukan adab tidak berlaku melalui penguasaan kemahiran semata-mata, tetapi terbina melalui proses tarbiah yang berterusan berasaskan hubungan pendidikan yang bermakna serta bimbingan yang berterusan.

Bagi menangani persoalan ini, khazanah pemikiran Islam klasik menawarkan asas teori yang masih relevan. Ibnu Khaldun (1332–1406 M) merupakan sarjana yang keluasan pemikirannya merangkumi bidang sejarah, sosiologi, ekonomi dan pendidikan. Menerusi karya agungnya, *al-Muqaddimah*, beliau mengemukakan analisis mendalam terhadap perkembangan masyarakat, dinamika peradaban serta peranan pendidikan dalam membentuk manusia dan struktur sosial (Ibnu Khaldun, 2015). Pemikiran pendidikan Ibnu Khaldun dibangunkan atas tiga asas yang membentuk pembangunan insan secara menyeluruh, iaitu *malakah*, *tadarruj* dan *adab* (Mohamad Zarkhuan et al., 2021). Konsep *malakah* menekankan pembinaan kompetensi melalui latihan yang berulang, pengalaman yang bermakna dan penghayatan yang berterusan sehingga ilmu menjadi sebahagian daripada diri seseorang pelajar. Konsep *tadarruj* pula menggariskan bahawa pemerolehan ilmu hendaklah berlaku secara berperingkat selaras dengan tahap perkembangan intelektual dan emosi individu, bukannya melalui proses yang tergesa-gesa.

Dalam masa yang sama, *adab* bukan sekadar merujuk kepada kesopanan luaran, malah menggambarkan pembentukan peribadi yang menyepadukan ilmu, akhlak dan tanggungjawab melalui hubungan pendidikan, keteladanan guru serta proses tarbiah yang berterusan. Ketiga-tiga prinsip ini menawarkan paradigma pendidikan yang berasaskan pembentukan insan, sekali gus menjadi alternatif yang signifikan terhadap kecenderungan pembelajaran berorientasikan hasil yang semakin dipengaruhi oleh penggunaan teknologi AI. Oleh itu, pemikiran Ibnu Khaldun bukan sekadar warisan yang perlu dihuraikan semula, malah turut menyediakan asas penting untuk mengenalpasti faktor yang mencetuskan krisis *adab* dalam pendidikan kontemporari. Menurut Jadidah (2024), krisis *adab* dalam pendidikan kontemporari boleh dilihat sebagai kesan terhadap perubahan tujuan pendidikan itu sendiri. Pendidikan yang berorientasikan prestasi dan penguasaan teknologi cenderung melihat ilmu sebagai sesuatu yang perlu dikuasai dengan pantas, berbanding amanah yang memerlukan penghayatan dan pembentukan *adab*. Perubahan ini semakin ketara apabila interaksi guru-pelajar beralih ke ruang digital dan internet mengambil alih sebahagian fungsi guru sebagai sumber pengetahuan. Tanpa bimbingan etika dan hubungan pendidikan yang berterusan, teknologi boleh mempercepat akses kepada maklumat tetapi tidak semestinya membentuk kebijaksanaan atau *adab* dalam menggunakannya.

Prinsip ini perlu diterjemahkan ke dalam suatu kerangka yang jelas dan boleh diaplikasikan. Dalam konteks ini, Model 5M diketengahkan sebagai pendekatan yang relevan. Model ini merangkumkan lima peranan guru Pendidikan Islam yang telah lama menjadi rujukan dalam wacana keguruan Islam, iaitu *murabbi* yang mengasuh dan memelihara perkembangan pelajar, *muallim* yang menyampaikan ilmu, *muaddib* yang membentuk *adab*, *mudarris* yang mengurus dan melaksanakan proses pengajaran, serta *mursyid* yang membimbing secara berterusan (Wan Abdullah et al., 2021). Kelima-lima peranan ini menggabungkan dimensi intelektual, spiritual, akhlak dan pedagogi dalam satu kerangka tunggal. Namun dalam amalan, tumpuan sering tertumpu kepada peranan *muallim* dan *mudarris*, iaitu dimensi penyampaian dan pengurusan, sedangkan peranan *muaddib* dan *mursyid* yang paling berkait rapat dengan pembentukan *adab* kurang mendapat perhatian. Ketidakeimbangan inilah yang menjadikan Model 5M sesuai dijadikan struktur bagi menerjemahkan prinsip *malakah*, *tadarruj* dan *adab* ke dalam fungsi profesional guru yang boleh dikenal pasti.

Sorotan literatur menunjukkan bahawa kajian berkaitan guru Pendidikan Islam dibahagikan kepada tiga kelompok kajian yang utama. Kelompok pertama membincangkan peranan guru Pendidikan Islam, pembangunan sahsiah dan integriti profesional dalam membentuk

keperibadian pelajar (Rahima et al., 2024). Kelompok kedua memfokuskan kompetensi digital guru, penggunaan teknologi kecerdasan buatan dalam pengajaran serta inovasi pedagogi dalam memperkukuh keberkesanan pengajaran (Razak & Norman, 2025). Manakala, kelompok ketiga pula meneliti pemikiran pendidikan Ibnu Khaldun, khususnya konsep *malakah*, *tadarruj* dan pembentukan akhlak sebagai asas pembangunan insan (Azizan et al., 2024). Walaupun setiap kelompok menawarkan sumbangan yang signifikan, namun hubungan konseptual antara falsafah pendidikan Ibnu Khaldun, peranan guru Pendidikan Islam dan cabaran pendidikan berteraskan kecerdasan buatan masih belum dihuraikan secara menyeluruh. Ketidadaan kerangka ini menyebabkan prinsip pendidikan Ibnu Khaldun masih belum diterjemahkan secara sistematik kepada peranan guru dalam konteks pendidikan digital masa kini.

Berdasarkan jurang yang dikenal pasti, kajian ini mencadangkan sebuah kerangka konseptual bagi penstrukturan semula identiti guru Pendidikan Islam yang mengintegrasikan Model 5M dengan prinsip pendidikan Ibnu Khaldun. Kerangka ini menggabungkan prinsip *malakah*, *tadarruj* dan adab dengan Model 5M sebagai asas untuk memperkukuh identiti profesional guru Pendidikan Islam dalam landskap pendidikan digital masa kini. Perbincangan memfokuskan kepada dua persoalan utama, iaitu bagaimana prinsip-prinsip pendidikan Ibnu Khaldun dapat menjelaskan faktor yang menyumbang kepada krisis adab dalam pendidikan semasa, serta bagaimana prinsip tersebut boleh diterjemahkan kepada fungsi dan peranan guru yang sesuai dengan tuntutan era kecerdasan buatan. Kajian ini menggunakan pendekatan konseptual melalui sintesis dan analisis kritis terhadap literatur berkaitan. Justeru, kerangka yang dicadangkan bukan bertujuan menghasilkan bukti empirikal, sebaliknya menyediakan asas teori yang boleh dijadikan rujukan dan seterusnya diuji melalui penyelidikan lapangan pada masa hadapan.

Nilai utama kajian ini terletak pada usaha menghubungkan warisan pemikiran Pendidikan Islam dengan keperluan pendidikan kontemporari. Berdasarkan perspektif teori, kajian ini memperluaskan aplikasi pemikiran Ibnu Khaldun daripada perbincangan falsafah kepada pembentukan model profesionalisme guru yang mampu menyesuaikan diri terhadap perubahan semasa. Dalam peringkat konseptual, kajian ini menunjukkan bagaimana prinsip pendidikan klasik dapat disusun semula ke dalam struktur peranan guru yang lebih sistematik dan mudah diaplikasikan. Manakala, dalam aspek amalan pula, kerangka yang dibangunkan berpotensi menjadi rujukan dalam mereka bentuk pembangunan profesional berterusan serta penyediaan standard kompetensi guru Pendidikan Islam yang selaras dengan keperluan pendidikan era digital. Kerangka yang dicadangkan diharapkan dapat memperkayakan wacana akademik mengenai pembangunan guru Pendidikan Islam serta menjadi asas kepada penyelidikan empirikal pada masa hadapan bagi menilai kebolegunaan dan kerelevanannya dalam pelbagai konteks pendidikan.

Sorotan Literatur dan Kerangka Teori

Krisis Adab dalam Pendidikan Islam Era Digital

Perbincangan mengenai krisis adab dalam Pendidikan Islam semakin mendapat perhatian dalam wacana akademik semasa, khususnya dalam konteks perubahan yang didorong oleh teknologi digital dan pasca-pandemik. Dalam tradisi Pendidikan Islam, adab merujuk kepada pembentukan akhlak dan disiplin diri yang melibatkan hubungan manusia dengan ilmu, masyarakat dan Tuhan (Al-Attas, 1972). Namun begitu, perkembangan teknologi telah

mengubah cara pelajar berinteraksi dengan ilmu, sekali gus memberi kesan terhadap pembentukan nilai dan tingkah laku.

Era digital masa kini telah membawa perubahan yang mendalam dalam kehidupan manusia, bukan sahaja dari sudut kemajuan teknologi, malah turut mencetuskan cabaran baharu yang melibatkan aspek moral dan etika. Fenomena ini mencerminkan wujudnya ketidakseimbangan antara keupayaan individu dalam memanfaatkan teknologi dengan tahap kematangan moral yang dimiliki, sekali gus menyumbang kepada berlakunya krisis karakter pada peringkat global (Venry Eka Yogawati, 2025). Keadaan ini menjadi lebih kompleks apabila dunia digital yang membolehkan pelajar kekal tanpa identiti sebenar serta bergantung kepada penerimaan orang lain mendorong sikap pentingkan diri sendiri dan secara tidak langsung mengurangkan rasa empati dalam kalangan pelajar (Turkle, 2011).

Dalam konteks ini, interaksi dalam talian yang kurang berasaskan nilai kemanusiaan telah mengubah cara individu berkomunikasi dan menilai tingkah laku sosial. Naqiyah dan Handayani (2024) menjelaskan bahawa cabaran pendidikan dalam era digital bukan sahaja melibatkan penyalahgunaan teknologi, malah turut merangkumi kemerosotan moral, kelemahan nilai spiritual, krisis identiti, lambakan maklumat dan pengurangan interaksi sosial yang bermakna. Persekitaran digital yang menawarkan akses pantas dan komunikasi tanpa sempadan boleh mewujudkan jurang antara pengetahuan moral dengan tingkah laku sebenar sekiranya penggunaannya tidak dipandu oleh nilai. Keadaan ini menunjukkan bahawa krisis adab perlu ditangani melalui pendekatan pendidikan yang mengintegrasikan pembentukan intelektual, rohani dan akhlak, bukan sekadar meningkatkan kemahiran teknologi. Aziz et al. (2026) mengenal pasti bahawa kemajuan dalam penggunaan teknologi tidak semestinya berkembang seiring dengan kematangan moral dan tanggungjawab sosial. Pandangan ini memperkukuh hujah bahawa krisis adab dalam pendidikan perlu difahami sebagai persoalan nilai, pertimbangan intelektual dan hubungan sosial, bukan semata-mata sebagai kesan penggunaan teknologi.

Sehubungan itu, pendekatan pendidikan yang hanya menekankan penguasaan kemahiran teknikal dilihat tidak lagi mencukupi untuk membentuk generasi yang berdaya tahan dari segi moral. Sebaliknya, terdapat keperluan yang mendesak untuk mengintegrasikan pembangunan nilai, etika dan sahsiah dalam sistem pendidikan bagi memastikan generasi muda mampu menghadapi cabaran dunia digital secara berhemah dan bertanggungjawab (Aminah & Sari, 2025). Keadaan ini menuntut satu penilaian semula terhadap peranan guru serta pembinaan identiti mereka agar lebih bersepadu dan mampu berfungsi secara efektif dalam menghadapi cabaran pendidikan era digital.

Dalam konteks Pendidikan Islam, keperluan ini menjadi lebih signifikan kerana adab merupakan asas utama dalam pembinaan insan. Namun demikian, perkembangan pendidikan dalam era digital menunjukkan bahawa penekanan terhadap penguasaan ilmu dan kemahiran sering mengatasi usaha pembentukan adab secara menyeluruh. Ketidakseimbangan ini menyumbang kepada berlakunya krisis adab dalam kalangan pelajar, yang dapat diperhatikan melalui penurunan disiplin, kurangnya penghormatan terhadap guru, serta kelemahan dalam mengawal tingkah laku dalam persekitaran pembelajaran digital.

Peranan Guru Pendidikan Islam dalam Era Kecerdasan Buatan

Perkembangan kecerdasan buatan (AI) telah mengubah landskap pendidikan melalui penyesuaian proses pembelajaran yang lebih menepati keperluan pelajar, pemerkasaan proses pentaksiran serta peningkatan kecekapan pengurusan pendidikan. Walau bagaimanapun, kecerdasan buatan tidak seharusnya dianggap sebagai pengganti kepada fungsi hakiki guru, sebaliknya berperanan sebagai alat yang menyokong proses pengajaran dan pembelajaran. Menurut Islami dan Musyarri (2026), walaupun kecerdasan buatan mampu melaksanakan pelbagai tugas teknikal seperti menyediakan bahan pembelajaran, menilai hasil kerja pelajar dan mencadangkan laluan pembelajaran yang bersesuaian, teknologi yang ada masih tidak mampu mengambil alih fungsi guru sebagai pembimbing, pembentuk nilai, pemberi sokongan emosi dan pentafsir ilmu secara berhikmah. Oleh itu, penggunaan AI perlu dilihat sebagai pelengkap kepada profesion pendidik yang dapat memperkukuh keberkesanan pengajaran tanpa menjejaskan peranan guru dalam membentuk akhlak dan sahsiah pelajar.

Dapatan ini selari dengan pemikiran pendidikan Ibnu Khaldun yang menegaskan bahawa pembentukan insan tidak dapat dicapai melalui pemindahan maklumat semata-mata, sebaliknya memerlukan proses pendidikan yang berlaku secara berperingkat (*tadarruj*), pembiasaan berterusan (*malakah*) dan pembentukan adab melalui proses pembelajaran yang berasaskan bimbingan dan interaksi antara guru dan pelajar. Oleh yang demikian, AI boleh dimanfaatkan sebagai alat pedagogi, namun tidak mampu menggantikan fungsi guru sebagai pembimbing akhlak, teladan dan pembina keperibadian pelajar.

Pemikiran Ibnu Khaldun Sebagai Asas Teori

Pemikiran Ibnu Khaldun menawarkan asas teoritikal yang signifikan dalam memahami proses pembentukan insan melalui pendidikan. Dalam karya *al-Muqaddimah*, beliau memperkenalkan konsep *malakah* sebagai bentuk penguasaan yang terbina melalui latihan berterusan dan pengalaman yang berulang (Ibnu Khaldun, 1967). Konsep ini menunjukkan bahawa penguasaan ilmu tidak berlaku secara serta-merta, tetapi berkembang melalui proses pembiasaan yang konsisten sehingga menjadi sebahagian daripada keperibadian individu.

Malakah juga menunjukkan bahawa pembelajaran yang berkesan memerlukan kesinambungan antara pengetahuan, pengalaman dan amalan (Zaenal Arifin, 2021). Dalam konteks Pendidikan Islam, hal ini bermakna penguasaan ilmu perlu disertai dengan penghayatan nilai agar ilmu tersebut mampu membentuk tingkah laku dan sahsiah pelajar. Tanpa proses pembiasaan yang konsisten, ilmu yang diperoleh cenderung kekal pada tahap kognitif semata-mata dan tidak diterjemahkan dalam bentuk tindakan. Keadaan ini mempunyai implikasi langsung terhadap berlakunya krisis adab, apabila pelajar memiliki pengetahuan tetapi gagal mengamalkannya dalam kehidupan seharian.

Selain itu, Ibnu Khaldun turut menekankan konsep *tadarruj*, iaitu pendekatan pembelajaran secara berperingkat yang mengambil kira tahap keupayaan dan perkembangan individu. Konsep ini menunjukkan bahawa pembelajaran yang efektif perlu disusun secara sistematik, bermula daripada asas yang mudah sebelum berkembang kepada tahap yang lebih kompleks. Pendekatan ini bukan sahaja menyokong pembinaan kefahaman yang mendalam, malah membantu mengelakkan tekanan kognitif yang boleh mengganggu proses pembelajaran. Menurut Ibnu Khaldun, penyampaian ilmu yang dilaksanakan secara bertahap mempunyai lebih banyak manfaat berbanding kaedah lain kerana kaedah ini mampu memberi pengajaran

yang lebih efektif (Yuli Tri Astuti, 2023). Analisis interpretatif yang dijalankan oleh Rani Selfiana et al., (2026) terhadap pemikiran Ibnu Khaldun menunjukkan bahawa proses pendidikan disusun secara berperingkat dan dirancang dengan teliti. Dalam kerangka ini, penyampaian ilmu tidak dilihat sebagai beban awal yang kompleks, sebaliknya disesuaikan secara beransur-ansur mengikut tahap keupayaan dan perkembangan pembelajaran pelajar.

Dalam era digital yang cenderung kepada pembelajaran pantas dan akses segera kepada maklumat, prinsip *tadarruj* menjadi semakin relevan sebagai asas dalam mengimbangi kecenderungan tersebut. Tanpa pendekatan secara berperingkat, pelajar mungkin memperoleh maklumat dalam jumlah yang banyak, namun gagal membina kefahaman yang mendalam serta tidak mampu menghayati nilai yang terkandung dalam ilmu tersebut (Alaika & Nelud, 2021). Oleh itu, konsep *tadarruj* dalam pemikiran Ibnu Khaldun menyajikan asas yang penting dalam merangka pendekatan pendidikan yang lebih tersusun, khususnya dalam usaha menangani krisis adab dan memastikan pembentukan insan yang seimbang dalam persekitaran pembelajaran digital.

Di samping itu, konsep adab dalam pemikiran Ibnu Khaldun berfungsi sebagai asas yang menghubungkan ilmu, pembentukan sahsiah dan fungsi sosial individu dalam sesebuah masyarakat. Adab tidak hanya merujuk kepada tingkah laku luaran, malah merangkumi kesedaran dalaman yang membimbing individu untuk meletakkan sesuatu pada tempat yang sewajarnya. Dalam konteks Pendidikan Islam, adab menjadi teras yang menentukan keberkesanan proses pendidikan untuk diamal dan dimanfaatkan dalam kehidupan seharian. Hal ini menjadi semakin penting dalam era digital yang memperlihatkan akses ilmu yang luas tanpa kawalan nilai yang mencukupi.

Ketiga-tiga konsep ini, iaitu *malakah*, *tadarruj* dan *adab*, membentuk satu kerangka teori yang saling melengkapi dalam menjelaskan proses pembinaan insan secara menyeluruh. *Malakah* menekankan aspek penguasaan dalaman, *tadarruj* memberi panduan terhadap susunan proses pembelajaran, manakala *adab* memastikan keseimbangan antara ilmu dan nilai dalam kehidupan. Integrasi ketiga-tiga konsep ini menyediakan asas teoritikal yang kukuh dalam memahami keperluan untuk menstrukturkan semula identiti guru Pendidikan Islam agar lebih bersepadu, khususnya dalam menghadapi cabaran pembelajaran dalam era digital.

Model 5M Sebagai Kerangka Konseptual

Berdasarkan asas teori yang dibina daripada pemikiran Ibnu Khaldun, Model 5M diketengahkan sebagai kerangka konseptual yang menjelaskan penstrukturan semula identiti guru Pendidikan Islam secara lebih menyeluruh. Model ini tidak melihat guru sebagai pelaksana pengajaran dalam erti yang sempit, sebaliknya sebagai agen pembinaan insan yang memikul tanggungjawab ilmu, adab, sahsiah, bimbingan rohani dan pengurusan pedagogi secara serentak. Dalam literatur Pendidikan Islam, konsep lima *mim* merujuk kepada lima peranan utama guru, iaitu *murabbi*, *muallim*, *muaddib*, *mudarris* dan *mursyid*. Kesemua istilah ini menghuraikan identiti guru secara komprehensif dan telah digunakan dalam pelbagai penulisan serta kajian berkaitan latihan dan amalan guru Pendidikan Islam.

Peranan *murabbi* menonjolkan fungsi guru sebagai pembina sahsiah dan pengasuh jiwa. Dalam pengertian ini, guru bukan hanya menyampaikan kandungan pelajaran, tetapi turut memupuk perkembangan personaliti, disiplin diri, kasih sayang dan tanggungjawab moral dalam kalangan pelajar. Penekanan terhadap peranan guru sebagai *murabbi* dalam pendidikan *Rabbani*

menjadikan tanggungjawab tersebut bersifat mencabar dan memerlukan keyakinan diri yang tinggi dalam kalangan guru (Noornajihan Jaafar et al., 2012). Peranan ini bukan sahaja melibatkan penyampaian ilmu, tetapi turut merangkumi pembinaan sahsiah, bimbingan nilai serta pengasuhan rohani secara berterusan. Sehubungan itu, kepentingan guru sebagai *murabbi* telah diberi perhatian oleh ramai sarjana Pendidikan Islam. Tokoh-tokoh seperti al-Ghazali, Abdullah Nasih Ulwan, al-Hammadi, al-Hafiz Suwaid dan an-Nahlawi menekankan bahawa guru perlu berfungsi sebagai pembina insan yang menyeluruh, bukan sekadar penyampai ilmu (Noornajihan Jaafar & Zetty Nurzuliana Rashed, 2015). Pandangan ini turut diperkukuh oleh Said Hawwa yang melihat peranan *murabbi* sebagai asas dalam membentuk keperibadian pelajar yang berlandaskan nilai keagamaan dan akhlak yang mantap (Nur Hanani Hussin & Ab. Halim Tamuri, 2017; Wan Ali Akbar, 2021). Literatur yang membincangkan konsep guru Pendidikan Islam menjelaskan bahawa penekanan terhadap guru sebagai *murabbi* berkait rapat dengan proses tarbiah yang menuntut hubungan kepercayaan, pengawasan berterusan dan contoh teladan yang baik. Oleh sebab itu, *murabbi* menjadi peranan yang sangat penting dalam menangani krisis adab, kerana pembentukan akhlak tidak boleh berlaku melalui arahan atau kandungan kurikulum semata-mata, tetapi melalui hubungan pendidikan yang hidup antara guru dan pelajar.

Peranan *muallim* pula menjelaskan guru sebagai penyampai ilmu. Namun, dalam kerangka Pendidikan Islam, *muallim* tidak terbatas kepada pemindahan maklumat atau penyelesaian silibus, sebaliknya merujuk kepada guru yang menyampaikan ilmu secara benar, tersusun dan bermakna. Peranan ini kekal penting dalam era digital kerana akses pelajar kepada maklumat semakin luas, tetapi akses kepada kefahaman yang sahih dan terarah tidak semestinya bertambah. Sifat *muallim* merupakan satu kedudukan yang mulia dalam Pendidikan Islam, kerana konsep tersebut dikaitkan secara langsung dengan sifat ketuhanan. Hal ini dapat difahami melalui firman Allah dalam Surah al-Baqarah (2:31) yang menggambarkan bagaimana Allah mengajarkan Nabi Adam nama-nama, sekali gus menunjukkan bahawa Allah adalah sumber ilmu yang hakiki yang sebenar (Nurul Asiah Fasehah et al., 2015). Dalam konteks ini, peranan guru sebagai *muallim* bukan sekadar menyampaikan ilmu, tetapi mencerminkan amanah besar dalam meneruskan tradisi penyampaian ilmu yang berakar daripada sumber yang mutlak (Wan Ali Akbar, 2021). Justeru, guru sebagai *muallim* berfungsi menapis, menjelaskan dan menstrukturkan ilmu agar pelajar tidak sekadar mengetahui, tetapi memahami sesuatu ilmu dengan mendalam. Oleh itu, dalam persekitaran digital yang cenderung kepada pembelajaran segera dan bersifat permukaan, peranan *muallim* menjadi asas penting dalam memastikan proses pendidikan terus berfungsi sebagai medium pembinaan ilmu yang bermakna serta menyumbang kepada pembentukan sahsiah yang beradab.

Peranan guru sebagai *muaddib* merupakan komponen yang paling signifikan dalam kerangka Model 5M, khususnya dalam konteks menangani krisis adab dalam Pendidikan Islam era digital. *Muaddib* merujuk kepada guru yang berfungsi membentuk adab pelajar melalui bimbingan nilai, disiplin diri serta pembinaan keperibadian yang selaras dengan tuntutan agama dan norma sosial. Guru yang *muaddib* bukan sahaja perlu mengajar nilai-nilai murni tetapi guru itu juga mesti mengamalkan nilai-nilai murni tersebut. *Muaddib* yang mempunyai budi pekerti yang tinggi, mampu membina kecergasan akal dan jasmani dan menitik beratkan potensi insan serta menerapkan akhlak mulia dan seimbang selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara (Salinda & Mohamad Zulkifli, 2022). Peranan guru sebagai *muaddib* dapat diperkukuh melalui konsep *ta'dib*, iaitu proses pendidikan yang tidak terhenti pada pemindahan pengetahuan, tetapi melibatkan pembentukan karakter dan keperibadian secara menyeluruh. Naqiyah dan Handayani (2024) menjelaskan bahawa proses *ta'dib* menggabungkan unsur pengajaran,

pembangunan diri dan pembentukan adab. Dalam proses tersebut, guru bukan sekadar berperan sebagai penyampai ilmu, tetapi turut bertindak sebagai *murabbi*, *muaddib* dan *mursyid* yang memerlukan keseimbangan antara kompetensi keilmuan, keperibadian dan spiritual. Pandangan ini menyokong keperluan terhadap identiti guru Pendidikan Islam secara bersepadu sebagaimana yang diketengahkan melalui Model 5M.

Dalam tradisi Pendidikan Islam, konsep ini menekankan bahawa proses pendidikan tidak hanya bertujuan menyampaikan ilmu, tetapi membentuk manusia yang mengetahui kedudukan sesuatu secara tepat dan bertindak berdasarkan kefahaman tersebut (Al-Attas, 1999). Dalam perbincangan ini, *muaddib* menjadi peranan yang paling utama berkait dengan tajuk kajian kerana krisis adab pada asasnya menunjukkan jurang antara pengetahuan dengan perlakuan. Oleh itu, guru sebagai *muaddib* diperlukan bagi memastikan pendidikan tidak terhenti pada pencapaian akademik, tetapi seiring dengan pembinaan sahsiah yang beradab.

Peranan *mudarris* pula merujuk kepada guru sebagai pelaksana pedagogi yang mengurus proses pengajaran dan pembelajaran secara terancang, sistematik dan sesuai dengan keperluan pelajar. Dalam literatur lima mim, *mudarris* dikaitkan dengan kecekapan profesional, penguasaan kaedah, strategi penyampaian dan keupayaan menyesuaikan pengajaran dengan situasi pendidikan semasa. Muhammad Zulazizi (2020) menegaskan, peranan *mudarris* lebih tertumpu kepada pelaksanaan pengajaran yang berkesan, yang menuntut kecekapan guru dalam mempelbagaikan pendekatan dan strategi pengajaran. Dalam hal ini, guru perlu berupaya menyesuaikan kaedah pengajaran dengan suasana bilik darjah serta keperluan pelajar yang berbeza. Selain itu, penguasaan yang mendalam dalam bidang yang diajar serta keupayaan membuat pertimbangan secara profesional turut menjadi elemen penting dalam memastikan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran. Peranan ini menjadi semakin penting dalam era digital kerana guru perlu mengurus bukan sahaja kandungan pembelajaran, tetapi juga medium, rentak, interaksi dan pengalaman belajar yang pelbagai. Walau bagaimanapun, peranan *mudarris* tidak seharusnya terpisah daripada dimensi nilai. Jika guru berhenti pada tahap *mudarris* semata-mata, maka pengajaran berisiko menjadi sangat teknikal tanpa kesan yang mendalam terhadap pembentukan sahsiah.

Sementara itu, *mursyid* menampilkan guru sebagai pembimbing rohani dan pemberi arah dalam pembangunan diri pelajar. *Mursyid* merujuk kepada guru yang membimbing, menasihati dan memimpin pelajar ke arah pembentukan diri yang baik serta mempunyai kekuatan rohani. Peranan ini amat signifikan dalam suasana pendidikan masa kini yang menyaksikan ramai pelajar berdepan kekeliruan nilai, tekanan emosi dan kecenderungan untuk membina identiti berasaskan pengiktirafan luaran. Muhammad Zulazizi (2020) berpandangan, guru yang berperanan sebagai *mursyid* mampu menggalas tugas sebagai *murabbi*, *muallim*, *mudarris* dan *muaddib*, di samping mengajak dirinya sendiri untuk menimba ilmu pengetahuan, melakukan tambah nilai maklumat dan amalan serta membaiki tahap keimanan kepada Allah. Dalam keadaan sedemikian, kehadiran guru sebagai *mursyid* menjadikan proses pendidikan lebih manusiawi kerana pelajar bukan sahaja dibimbing dari sudut akademik, tetapi turut dipandu dalam membuat pertimbangan moral dan membina jati diri.

Secara konseptual, kekuatan Model 5M terletak pada sifatnya yang bersepadu. Model ini tidak memisahkan tugas mendidik kepada fungsi-fungsi yang berdiri sendiri, tetapi menghimpunkan semua peranan tersebut sebagai komponen identiti guru Pendidikan Islam. Hal ini selari dengan perbincangan dalam literatur bahawa guru dalam perspektif Islam tidak seharusnya hanya menjadi penyampai ilmu, bahkan perlu berfungsi serentak sebagai pembentuk akhlak,

pembimbing jiwa dan pelaksana pedagogi yang berkesan. Dalam konteks era digital, pendekatan bersepadu ini lebih relevan kerana cabaran pendidikan kini tidak lagi terhad kepada penguasaan kandungan, tetapi melibatkan persoalan etika, kesejahteraan emosi, kebijaksanaan menggunakan teknologi dan keupayaan mengekalkan hubungan pendidikan yang membina.

Sehubungan itu, Model 5M boleh difahami sebagai kerangka konseptual yang menterjemahkan asas teori daripada pemikiran Ibnu Khaldun kepada peranan guru yang lebih operasional. Jika konsep *malakah* menjelaskan keperluan pembiasaan dan penguasaan dalaman, *tadarruj* menekankan proses pendidikan yang beransur-ansur dan adab menjadi asas hubungan ilmu dengan amalan, maka Model 5M menyediakan bentuk praktikal untuk menggerakkan ketiga-tiga konsep tersebut dalam diri guru. Dalam erti kata lain, model ini bukan sekadar senarai peranan, tetapi satu susunan identiti profesional yang menjadikan guru Pendidikan Islam lebih bersedia untuk menangani krisis adab dalam persekitaran pendidikan digital yang semakin kompleks.

Jurang Kajian dan Keperluan Penstrukturan Semula Identiti Guru

Sorotan literatur menunjukkan bahawa isu kemerosotan adab dalam Pendidikan Islam telah mendapat perhatian yang meluas, khususnya dalam konteks cabaran era digital yang memberi kesan terhadap pembentukan sahsiah pelajar. Pelbagai kajian telah membincangkan faktor-faktor yang menyumbang kepada krisis ini, termasuk pengaruh teknologi, perubahan corak interaksi pembelajaran serta penekanan yang berlebihan terhadap pencapaian akademik. Selain itu, kajian berkaitan peranan guru dalam Pendidikan Islam turut menegaskan kepentingan fungsi guru sebagai pembina sahsiah, penyampai ilmu dan pembimbing nilai dalam membentuk insan yang seimbang.

Di samping itu, pemikiran sarjana Islam klasik seperti Ibnu Khaldun telah dianalisis secara meluas dalam menjelaskan konsep pembinaan insan melalui pendidikan, khususnya melalui konsep *malakah*, *tadarruj* dan adab. Konsep-konsep ini memberikan asas teoritikal yang kukuh dalam memahami proses pendidikan yang menekankan keseimbangan antara aspek intelektual dan pembentukan sahsiah. Dalam masa yang sama, beberapa kajian kontemporari turut mengemukakan model dan pendekatan tertentu dalam memperkukuh peranan guru Pendidikan Islam, termasuk yang berasaskan konsep lima mim sebagai kerangka memahami fungsi guru secara menyeluruh.

Kajian Aziz et al. (2026) telah menghubungkan pemikiran Ibnu Khaldun dengan krisis karakter era digital melalui cadangan yang berasaskan adab, akal dan interaksi sosial. Kajian tersebut memberikan sumbangan penting dengan menunjukkan bahawa pemikiran pendidikan klasik dapat diaplikasikan dalam konteks semasa bagi membina etika digital dan hubungan sosial yang bertanggungjawab. Walau bagaimanapun, pembaharuan yang dikemukakan ialah memfokuskan struktur dan kandungan kurikulum, bukannya pembinaan identiti profesional guru.

Walaupun bagaimanapun, penelitian terhadap literatur sedia ada menunjukkan bahawa kebanyakan kajian tersebut masih meneliti aspek-aspek ini secara terpisah. Kajian berkaitan krisis adab sering tertumpu kepada faktor luaran tanpa mengaitkannya secara mendalam dengan pembinaan identiti guru. Sementara itu, kajian tentang pemikiran Ibnu Khaldun pula lebih menumpukan kepada perbincangan konseptual tanpa mengaplikasikannya secara langsung dalam konteks cabaran pendidikan digital masa kini. Begitu juga dengan perbincangan

mengenai peranan guru yang sering dihuraikan secara umum tanpa disusun dalam satu kerangka yang mengintegrasikan dimensi intelektual, spiritual, akhlak dan pedagogi secara serentak.

Keadaan ini menunjukkan wujudnya jurang dalam usaha membangunkan satu pendekatan yang komprehensif bagi menangani krisis adab dalam Pendidikan Islam era digital. Secara khususnya, masih terdapat kekurangan dari segi pengintegrasian antara asas teori daripada pemikiran Ibnu Khaldun dengan model peranan guru yang bersifat operasional dalam konteks semasa. Ketiadaan kerangka yang menyeluruh ini menyebabkan usaha menangani krisis adab cenderung bersifat fragmentari dan kurang berkesan dalam jangka panjang. Sehubungan itu, kajian ini mengemukakan satu kerangka konseptual yang menggabungkan Model 5M dengan pemikiran Ibnu Khaldun bagi menjelaskan penstrukturan semula identiti guru dalam Pendidikan Islam era digital. Justeru, kajian ini berusaha mengisi jurang dalam literatur sedia ada dengan menawarkan satu model yang menghubungkan teori klasik dengan aplikasi semasa dalam membina identiti guru yang berkualiti.

Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk memahami dengan lebih mendalam isu krisis adab dalam Pendidikan Islam dalam konteks era digital serta mengemukakan satu pendekatan konseptual yang lebih tersusun dalam pembinaan identiti guru. Sehubungan itu, objektif kajian ini dirangka seperti berikut:

1. Meneliti bentuk-bentuk krisis adab yang berlaku dalam Pendidikan Islam serta mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhinya dalam konteks penggunaan teknologi digital.
2. Mengkaji konsep *malakah*, *tadarruj* dan adab menurut pemikiran Ibnu Khaldun sebagai asas dalam memahami pembentukan identiti guru Pendidikan Islam.
3. Mencadangkan satu kerangka konseptual berasaskan Model 5M bagi memperkukuh pembinaan identiti guru Pendidikan Islam agar lebih sesuai dengan tuntutan era digital.

Objektif ini disusun bagi memastikan kajian ini bukan sahaja menghuraikan isu, malah turut menghasilkan satu pendekatan konseptual yang berasaskan tradisi pemikiran Islam dan relevan dengan keperluan pendidikan semasa.

Metodologi Kajian

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk analisis kandungan bagi membangunkan suatu kerangka konseptual yang mengintegrasikan prinsip pendidikan Ibnu Khaldun dengan Model 5M dalam pembentukan identiti profesional guru Pendidikan Islam. Pendekatan ini dipilih kerana sesuai untuk meneliti, mentafsir dan mensintesis konsep-konsep yang terkandung dalam sumber primer dan sekunder secara sistematik bagi menghasilkan pemahaman yang lebih menyeluruh terhadap sesuatu fenomena (Creswell, 2014). Selari dengan pandangan Jaakkola (2020), kajian konseptual berperanan memperkaya pembangunan teori melalui proses penghimpunan, penilaian kritis dan penyepaduan pengetahuan daripada pelbagai sumber bagi menghasilkan pemahaman yang lebih menyeluruh terhadap sesuatu fenomena. Oleh itu, fokus utama kajian ini ialah untuk membangunkan hujah ilmiah yang disokong oleh analisis kritis terhadap literatur serta penerokaan hubungan antara konsep-konsep yang berkaitan dan

tidak melibatkan bukti empirikal. Berlandaskan pendekatan tersebut, kajian ini meneliti dan menghubungkan prinsip *malakah*, *tadarruj* dan *adab* yang dikemukakan oleh Ibnu Khaldun dengan elemen yang terdapat dalam Model 5M melalui proses sintesis konseptual yang sistematik. Hasil daripada proses ini ialah membentuk kerangka konseptual sebagai asas untuk menjelaskan pembinaan semula identiti profesional guru Pendidikan Islam bagi mendepani era digital.

Pemilihan reka bentuk kajian ini selaras dengan matlamat penyelidikan yang lebih menumpukan kepada pengukuhan asas teori berbanding pengesahan sesuatu model melalui analisis data empirikal. Pendekatan ini membolehkan penyelidik menghuraikan secara menyeluruh hubungan antara falsafah pendidikan Ibnu Khaldun, peranan guru Pendidikan Islam dan cabaran pendidikan kontemporari, sebelum diterjemahkan ke dalam sebuah kerangka konseptual yang bersifat integratif. Justeru, kerangka yang dibangunkan dalam kajian ini diharapkan dapat menjadi landasan teori terhadap penyelidikan empirikal pada masa hadapan, di samping menyediakan panduan awal dalam memperkukuh identiti profesional guru Pendidikan Islam melalui perubahan landskap pendidikan semasa.

Strategi Carian Literatur

Proses pencarian literatur dilaksanakan secara sistematik bagi mengenal pasti sumber yang berkaitan dengan objektif kajian. Google Scholar digunakan sebagai platform pencarian utama bagi mengenal pasti penerbitan ilmiah yang relevan dan berkaitan dengan fokus kajian. Walau bagaimanapun, hanya artikel yang diterbitkan dalam jurnal berwasit (peer-reviewed) serta sumber akademik yang mempunyai kredibiliti tinggi dipilih untuk dianalisis. Di samping itu, karya primer *al-Muqaddimah* oleh Ibnu Khaldun dijadikan sumber utama bagi memahami konsep-konsep asas yang menjadi teras kajian.

Carian literatur melibatkan penerbitan antara tahun 2020 hingga 2026 bagi memperoleh dapatan penyelidikan yang mencerminkan perkembangan semasa dalam bidang pendidikan digital dan profesionalisme guru. Walau bagaimanapun, karya klasik seperti *al-Muqaddimah* tidak dihadkan oleh tahun penerbitan kerana ia merupakan sumber primer yang menjadi asas kepada pembinaan kerangka konseptual kajian. Carian menggunakan kombinasi kata kunci seperti “Pemikiran Ibnu Khaldun”, “Konsep Malakah”, “Tadarruj”, “Adab”, “Islamic Education”, “Teacher Identity”, “Teacher Professionalism”, “Artificial Intelligence in Education” dan “Digital Education”. Kata kunci tersebut digabungkan menggunakan operator Boolean AND dan OR bagi meningkatkan ketepatan hasil carian.

Semua rekod yang dikenal pasti disaring melalui beberapa peringkat. Pada peringkat pertama, artikel pendua yang diperolehi daripada pangkalan data yang berbeza disingkirkan. Seterusnya, tajuk dan abstrak setiap artikel diteliti bagi menentukan kesesuaiannya dengan fokus kajian. Artikel yang tidak membincangkan pemikiran Ibnu Khaldun, Pendidikan Islam, identiti guru, konsep adab atau pendidikan era digital dikeluarkan daripada proses analisis.

Artikel yang melepasi proses saringan awal dinilai secara lebih mendalam melalui pembacaan teks penuh. Penilaian ini bertujuan memastikan setiap sumber mempunyai kaitan secara langsung dengan objektif kajian serta memberikan sumbangan terhadap pembinaan kerangka konseptual. Pada peringkat ini, hanya sumber yang membincangkan aspek teori, falsafah pendidikan, profesionalisme guru, konsep adab dan cabaran pendidikan kontemporari dikekalkan untuk analisis selanjutnya. Hasil daripada keseluruhan proses saringan, sebanyak

17 sumber rujukan dipilih untuk dianalisis secara lebih mendalam. Kesemua sumber ini dijadikan asas kepada proses sintesis konseptual dan pembangunan kerangka konseptual yang dicadangkan dalam kajian ini.

Kriteria Inklusi dan Eksklusi

Kriteria inklusi dan eksklusi ditetapkan sebelum proses saringan dilaksanakan bagi memastikan pemilihan artikel dibuat secara konsisten dan selaras dengan objektif kajian. Penetapan kriteria ini juga bertujuan mengurangkan pemilihan sumber berdasarkan pertimbangan subjektif penyelidik. Artikel tidak diwajibkan membincangkan semua konstruk kajian secara serentak. Sebaliknya, artikel dipertimbangkan sekiranya memberikan sumbangan yang jelas kepada sekurang-kurangnya satu daripada tiga kelompok analisis, iaitu krisis adab dalam pendidikan era digital, pemikiran pendidikan Ibnu Khaldun atau pembinaan identiti guru Pendidikan Islam berasaskan Model 5M. Kriteria pemilihan artikel ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Aspek Kriteria Inklusi dan Eksklusi Artikel

Aspek	Kriteria Inklusi	Kriteria Eksklusi
Jenis penerbitan	Artikel penyelidikan atau artikel sorotan yang diterbitkan dalam jurnal berwasit	Buku, bab buku, prosiding persidangan, tesis, disertasi, laporan, editorial, ulasan buku, berita dan laman sesawang
Tempoh penerbitan	Artikel yang diterbitkan antara tahun 2020 hingga 2026	Artikel yang diterbitkan sebelum tahun 2020
Bahasa	Artikel dalam bahasa Melayu, bahasa Indonesia atau bahasa Inggeris	Artikel dalam bahasa lain yang tidak dapat ditafsirkan dengan tepat oleh penyelidik
Akses dokumen	Artikel yang dapat diperoleh dalam bentuk teks penuh	Artikel yang hanya menyediakan tajuk atau abstrak serta tidak dapat diakses dalam bentuk teks penuh
Konteks kajian	Artikel yang membincangkan Pendidikan Islam, pendidikan guru, pembentukan adab, identiti guru atau cabaran pendidikan digital	Artikel yang tidak mempunyai hubungan dengan konteks pendidikan atau pembentukan insan
Pemikiran Ibnu Khaldun	Artikel yang menghuraikan konsep pendidikan Ibnu Khaldun seperti <i>malakah</i> , <i>tadarruj</i> atau pembentukan adab	Artikel yang membincangkan sejarah, politik, ekonomi atau sosiologi Ibnu Khaldun tanpa kaitan dengan pendidikan
Krisis adab	Artikel yang membincangkan bentuk, faktor, implikasi kemerosotan adab, akhlak, etika atau disiplin dalam pendidikan	Artikel yang hanya menyebut adab atau akhlak secara umum tanpa analisis yang berkaitan dengan pendidikan
Identiti dan peranan guru	Artikel yang membincangkan identiti, profesionalisme atau peranan guru Pendidikan Islam, termasuk <i>murabbi</i> , <i>muallim</i> , <i>muaddib</i> ,	Artikel yang membincangkan tugas guru tanpa hubungan dengan pembentukan ilmu, adab, sahsiah atau bimbingan pelajar

	<i>mudarris dan mursyid</i>	
Pendidikan digital	Artikel yang membicarakan penggunaan teknologi digital, media sosial atau kecerdasan buatan dan hubungannya dengan pendidikan	Artikel yang menjelaskan aspek teknikal teknologi, pembangunan perisian atau prestasi sistem tanpa dimensi pendidikan dan nilai
Kerelevanan terhadap objektif	Artikel yang menyediakan konsep, dapatan, hujah atau amalan yang dapat menyumbang kepada sekurang-kurangnya satu objektif kajian	Artikel yang tidak memberikan maklumat yang dapat digunakan untuk menjawab objektif kajian
Ketelusan akademik	Artikel yang mempunyai pengarang, tahun penerbitan, nama jurnal dan maklumat bibliografi yang dapat dikenal pasti	Dokumen yang tidak mempunyai maklumat penerbitan yang jelas atau status akademik yang tidak dapat disahkan

Sumber: Penyelidik (2026)

Berdasarkan kriteria tersebut, artikel yang membincangkan salah satu kelompok utama kajian masih boleh dimasukkan walaupun tidak menghubungkan semua konstruk secara langsung. Sebagai contoh, artikel mengenai konsep *malakah* menurut Ibnu Khaldun boleh dipilih walaupun tidak membincangkan kecerdasan buatan, sekiranya artikel tersebut menyediakan asas teori yang diperlukan untuk memahami pembentukan kompetensi dan identiti guru. Begitu juga, artikel mengenai cabaran etika penggunaan kecerdasan buatan boleh dipertimbangkan jika perbincangannya mempunyai implikasi yang jelas terhadap adab, peranan guru atau Pendidikan Islam. Sebaliknya, artikel yang membincangkan keberkesanan teknologi dalam meningkatkan pencapaian akademik tanpa menyentuh dimensi nilai, etika, adab atau peranan pendidik tidak dimasukkan. Pendekatan ini digunakan bagi memastikan kajian tidak dipenuhi oleh artikel teknologi yang mempunyai hubungan terlalu umum dengan fokus penyelidikan.

Karya *al-Muqaddimah* pula tidak tertakluk kepada kriteria pemilihan artikel jurnal kerana karya tersebut digunakan sebagai sumber primer teori. Analisis terhadap *al-Muqaddimah* dilaksanakan secara berasingan bagi mengenal pasti asas pemikiran Ibnu Khaldun mengenai *malakah*, *tadarruj*, adab dan proses pendidikan. Oleh itu, karya tersebut tidak dimasukkan dalam jumlah artikel jurnal yang melalui proses saringan menyeluruh.

Prosedur Analisis Data

Data daripada artikel yang terpilih dianalisis secara menyeluruh menggunakan pendekatan sintesis tematik-konseptual. Setiap artikel dibaca dan maklumat seperti objektif, reka bentuk kajian, konsep yang dibincangkan, bentuk krisis adab, faktor pendidikan digital, peranan guru serta implikasi kajian, direkodkan dalam matriks pengekstrakan data. Setiap sumber diberikan kod tertentu bagi memudahkan proses pengelasan dan pengesanan semula kepada artikel asal.

Proses pengekodan dilakukan melalui gabungan pendekatan deduktif dan induktif. Pengekodan deduktif berpanduan konstruk utama kajian, iaitu *malakah*, *tadarruj*, adab serta lima peranan dalam Model 5M yang merangkumi *murabbi*, *muallim*, *muaddib*, *mudarris* dan *mursyid*. Pengekodan induktif pula digunakan bagi mengenal pasti tema tambahan yang muncul daripada artikel, termasuk penyalahgunaan kecerdasan buatan, kebergantungan kepada teknologi, kemerosotan penghormatan terhadap guru dan ketidakseimbangan antara pencapaian ilmu dengan pembentukan sahsiah.

Kod yang mempunyai persamaan makna dihipunkan kepada tema yang lebih luas dan disusun berdasarkan tiga objektif kajian. Tema-tema tersebut kemudiannya dibandingkan bagi mengenal pasti pola yang konsisten, perbezaan pandangan dan hubungan antara konsep. Dapatan daripada kajian empirikal turut dibezakan daripada hujah yang bersifat konseptual bagi mengelakkan hubungan yang hanya dicadangkan dalam literatur ditafsirkan sebagai hubungan sebab-akibat yang telah dibuktikan.

Pada peringkat akhir, tema yang dikenal pasti dipetakan dalam matriks konseptual yang menghubungkan bentuk krisis adab era digital, konsep *malakah*, *tadarruj* dan adab, peranan dalam Model 5M, amalan guru yang dicadangkan serta hasil pendidikan yang dijangkakan. Hasil pemetaan ini digunakan untuk membentuk kerangka konseptual penstrukturan semula identiti guru Pendidikan Islam. Kerangka tersebut merupakan hasil sintesis literatur dan belum melalui pengesahan empirikal.

Pembangunan Kerangka Konseptual

Kerangka konseptual kajian dibina hasil daripada sintesis terhadap artikel terpilih dan pentafsiran semula prinsip pendidikan Ibnu Khaldun. Matlamatnya ialah menyusun secara lebih terperinci hubungan antara adab dalam persekitaran digital, asas pembentukan insan dan peranan guru Pendidikan Islam memandangkan tiga perkara yang ini kerap dibincangkan secara berasingan dalam literatur. Perlu ditegaskan bahawa kerangka ini tidak terhasil daripada pengujian statistik mahupun data lapangan kerana ia merupakan hasil perbandingan dan penyepaduan konsep dan belum mencapai taraf pengesahan.

Langkah pertama melibatkan kelompok krisis adab dan cabaran pendidikan digital yang dikenal pasti menerusi analisis literatur, iaitu dengan menghimpunkan isu yang berkongsi persamaan makna ke dalam kategori yang sama. Antara isu yang paling menonjol ialah kelonggaran integriti akademik, kebergantungan berlebihan terhadap teknologi, penerimaan maklumat tanpa penelitian serta jurang penguasaan ilmu dengan nilai. Setiap kelompok isu ini seterusnya dibaca melalui tiga prinsip pendidikan Ibnu Khaldun. *Malakah* menjelaskan keperluan penghayatan ilmu yang berterusan sehingga ilmu itu sehati dengan diri pelajar, *tadarruj* menuntut perkembangan pembelajaran yang berperingkat, manakala adab pula sebagai penghubung antara ilmu, tindakan dan tanggungjawab moral.

Ketiga-tiga prinsip berkenaan kemudiannya dipetakan kepada lima peranan dalam Model 5M. *Murabbi* dihubungkan dengan pembinaan sahsiah dan kesinambungan hubungan pendidikan, *muallim* berperanan menstruktur ilmu yang diperoleh pelajar daripada pelbagai sumber digital, *muaddib* menumpukan pembentukan nilai antara apa yang diketahui dengan apa yang dilakukan, *mudarris* menumpukan pengurusan pedagogi yang sistematik dan bersesuaian dengan tahap perkembangan pelajar, manakala *mursyid* membawa dimensi bimbingan rohani, pertimbangan moral dan pembentukan jati diri.

Hasil daripada keseluruhan proses ini ialah sebuah kerangka konseptual yang merapatkan pemikiran pendidikan Ibnu Khaldun dengan peranan guru Pendidikan Islam dalam menghadapi krisis adab dalam era digital. Kerangka ini menawarkan susunan yang berpotensi dimanfaatkan bagi pembangunan profesional guru yang berteraskan adab dan penyelidikan lanjutan.

Kebolehpercayaan Analisis

Kebolehpercayaan analisis diperkukuh melalui proses yang menekankan ketelusan dan kebolehesanan proses interpretasi. Pertama, semua artikel yang dipilih dianalisis menggunakan matriks pengekstrakan data yang seragam. Maklumat yang direkodkan meliputi tujuan kajian, reka bentuk penyelidikan, konsep utama, bentuk krisis adab, cabaran pendidikan digital, peranan guru, cadangan amalan serta implikasi kajian. Penggunaan format yang sama bagi setiap artikel membantu mengurangkan ketidakseragaman semasa proses pengumpulan dan pengelasan data.

Kedua, setiap artikel diberikan kod pengenalan dan setiap dapatan, hujah atau konsep penting direkodkan bersama maklumat sumber serta nombor halaman asal. Langkah ini membolehkan tema yang dibentuk dijejaki semula kepada artikel yang menyokongnya. Bagi rujukan primer al-Muqaddimah, ia direkodkan berdasarkan bahagian yang digunakan bagi memastikan interpretasi terhadap konsep *malakah*, *tadarruj* dan adab tidak dipisahkan daripada konteks asal perbincangan.

Ketiga, proses pembentukan tema dilaksanakan secara berperingkat. Tema yang terbentuk turut dinilai berdasarkan kesesuaiannya dengan objektif kajian dan sokongan daripada lebih daripada satu sumber. Tema yang hanya disokong oleh satu artikel tidak dikira sebagai dapatan utama tanpa mengambil kira konteks, reka bentuk dan keterbatasan kajian tersebut.

Keempat, analisis tidak hanya memberikan perhatian kepada artikel yang menyokong andaian awal kajian. Pandangan yang berbeza, dapatan yang tidak konsisten dan penjelasan alternatif turut dikekalkan dalam proses sintesis. Pendekatan ini digunakan bagi mengurangkan kecenderungan penyelidikan untuk memilih sumber yang hanya mengukuhkan kerangka yang dicadangkan.

Walaupun proses tersebut meningkatkan ketelusan dan konsistensi analisis, kajian ini masih tertakluk kepada keterbatasan interpretasi dalam penyelidikan. Oleh itu, kerangka yang dicadangkan tidak dianggap sebagai model yang telah disahkan, tetapi sebagai hasil sintesis literatur yang memerlukan penilaian pakar dan pengesahan empirikal melalui kajian lanjutan.

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa krisis adab dalam Pendidikan Islam era digital bukan sekadar berpunca daripada pengaruh teknologi semata-mata, malah ianya berkait rapat dengan ketidakseimbangan dalam membina identiti guru sebagai pendidik. Kajian terhadap pemikiran Ibnu Khaldun menunjukkan bahawa kelemahan dalam mengintegrasikan aspek ilmu, adab dan pembentukan sahsiah telah menyebabkan proses pendidikan menjadi kurang berkesan dalam membentuk insan yang seimbang dalam segenap aspek.

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa penguasaan ilmu tanpa pembentukan adab tidak mampu menghasilkan perubahan tingkah laku yang diharapkan. Dalam persekitaran digital yang menyediakan akses luas kepada maklumat, pelajar berupaya memperoleh pengetahuan dengan cepat, namun tidak semestinya memahami nilai dan implikasi ilmu tersebut. Keadaan ini menunjukkan bahawa krisis adab berlaku apabila pelajar tidak menghayati ilmu dengan baik sebagaimana yang dihuraikan oleh Ibnu Khaldun.

Berdasarkan analisis tersebut, kajian ini mencadangkan Model 5M sebagai satu kerangka yang bukan sahaja menjelaskan peranan guru, malah turut menggabungkan pelbagai aspek penting dalam menangani krisis adab secara tersusun. Model ini menunjukkan bahawa keberkesanan Pendidikan Islam dalam era digital bergantung kepada keupayaan guru menggabungkan lima elemen utama secara serentak, iaitu *murabbi*, *muallim*, *muaddib*, *mudarris* dan *mursyid* sebagaimana Jadual 2 berikut.

Jadual 2: Pemetaan Konsep Malakah, Tadarruj dan Adab kepada Peranan Model 5M

Peranan Model 5M	Hubungan dengan <i>Malakah</i>	Hubungan dengan <i>Tadarruj</i>	Hubungan dengan Adab	Risiko Era Digital	Hasil Pendidikan yang Dijangkakan
<i>Murabbi</i>	Membentuk kebiasaan positif melalui bimbingan, pengulangan amalan secara berterusan sehingga nilai menjadi sebahagian daripada keperibadian pelajar.	Melaksanakan proses tarbiyah mengikut tahap perkembangan emosi, sosial dan moral pelajar, bukan melalui arahan atau hukuman.	Membina hubungan pendidikan yang berasaskan kasih sayang, disiplin, tanggungjawab dan sifat hormat antara guru dengan pelajar.	Kemerosotan rasa hormat terhadap guru, hubungan guru-pelajar yang semakin renggang, pembentukan identiti berdasarkan penerimaan dalam media sosial.	Pelajar yang berdisiplin, menghormati guru, memiliki tanggungjawab sosial dan mampu membina hubungan yang positif.
<i>Muallim</i>	Membina penguasaan ilmu melalui penerangan, latihan, aplikasi dan semakan berulang sehingga pelajar memperoleh maklumat dan memahami ilmu dengan betul.	Menyusun kandungan daripada asas kepada tahap yang lebih kompleks serta menyesuaikan kadar pembelajaran dengan kebolehan pelajar.	Membimbing pelajar mengenali sumber ilmu yang sahih dan menggunakan maklumat secara jujur.	Lambakan maklumat, penerimaan maklumat tanpa penelitian, kebergantungan kepada maklumat palsu dan penggunaan hasil AI tanpa pemahaman.	Pelajar yang memiliki kefahaman mendalam, mampu menilai sumber yang sahih dan mengamalkan integriti secara intelektual.
<i>Muaddib</i>	Membentuk perlakuan beretika melalui pembiasaan yang konsisten sehingga nilai yang dipelajari diterjemahkan kepada tindakan.	Membina kefahaman moral secara bertahap melalui penerangan, contoh, perbincangan kes, refleksi dan latihan membuat	Menjadi teras yang menghubungkan ilmu dengan perlakuan, serta membimbing pelajar meletakkan teknologi dan pengetahuan pada kedudukan	Jenayah penipuan akademik, penyalahgunaan AI, pelanggaran privasi, jurang antara pengetahuan agama dengan tingkah laku digital.	Pelajar yang berintegriti, mempunyai kawalan diri, menghubungkan ilmu dengan amalan dan menggunakan teknologi secara beretika.

		pertimbangan.	yang sewajarnya.		
<i>Mudarris</i>	Membentuk kecekapan belajar melalui latihan yang tersusun, maklum balas berulang dan pengalaman pembelajaran yang membolehkan pengetahuan berkembang menjadi kemahiran.	Merancang pengajaran secara berperingkat berdasarkan tahap kesediaan pelajar, bermula daripada konsep asas sebelum beralih kepada aplikasi yang lebih kompleks.	Memastikan teknologi, kaedah dan pentaksiran digunakan secara adil dan berhikmah selaras dengan tujuan pembentukan sahsiah.	Pengajaran terlalu berpusatkan teknologi, pembelajaran pantas, pentaksiran automatik tanpa pertimbangan nilai.	Pembelajaran yang tersusun, mendalam dan bermakna, penguasaan ilmu dan kemahiran yang berkembang secara seimbang dengan pembentukan sahsiah.
<i>Mursyid</i>	Membina kebijaksanaan, ketahanan rohani dan keupayaan membuat pertimbangan melalui bimbingan yang dilakukan secara berterusan.	Memberikan bimbingan mengikut tahap kematangan, keperluan dan situasi pelajar, khususnya ketika mereka berhadapan dengan konflik nilai atau tekanan emosi.	Menentukan arah moral dan rohani agar pelajar mampu membuat pilihan berdasarkan prinsip agama, tanggungjawab dan kesedaran akibat tindakannya.	Kekeliruan nilai, tekanan emosi, krisis identiti, keputusan moral yang dipengaruhi oleh trend digital.	Pelajar yang memiliki jati diri, kebijaksanaan moral, kestabilan emosi, kekuatan rohani dan keupayaan membuat keputusan secara berhikmah.

Sumber: Penyelidik (2026)

Berdasarkan Jadual 2 di atas, ketiga-tiga konsep pemikiran Ibnu Khaldun berfungsi secara bersepadu. *Tadarruj* menentukan susunan proses pendidikan, *malakah* menjelaskan bagaimana ilmu, kemahiran dan nilai dibentuk melalui pembiasaan, manakala adab memberikan arah moral terhadap ilmu serta tindakan. Model 5M menterjemahkan hubungan tersebut kepada fungsi profesional guru yang boleh dikenal pasti dan diamalkan. Dengan itu, penstrukturan semula identiti guru Pendidikan Islam perlu melibatkan penyepaduan peranan sebagai pembina sahsiah, penyampai ilmu, pembentuk adab, pelaksana pedagogi dan pembimbing rohani.

Jadual ini turut menunjukkan bahawa sesuatu risiko digital tidak ditangani oleh satu peranan guru sahaja. Sebagai contoh, penyalahgunaan kecerdasan buatan memerlukan fungsi *muallim* untuk memastikan kefahaman ilmu, *muaddib* untuk membentuk integriti, *mudarris* untuk mereka bentuk pentaksiran yang sesuai, *murabbi* untuk membina kebiasaan bertanggungjawab dan *mursyid* untuk memberikan arah moral. Oleh itu, keberkesanan Model 5M bergantung pada integrasi semua peranan tersebut sebagai satu identiti profesional yang menyeluruh. Kerangka yang dicadangkan mempunyai titik persamaan dengan kajian Aziz et al. (2026), khususnya dari segi keperluan menghubungkan pemikiran Ibnu Khaldun dengan cabaran moral dalam persekitaran digital. Kajian tersebut menempatkan adab sebagai asas etika dan integriti digital, akal sebagai landasan literasi media serta pemikiran kritis, dan interaksi sosial sebagai asas

kolaborasi serta kewarganegaraan digital. Persamaan ini menunjukkan bahawa respons terhadap krisis digital memerlukan penyepaduan aspek moral, intelektual dan sosial secara serentak.

Cadangan amalan dalam kerangka ini mempunyai hubungan dengan perbincangan Naqiyah dan Handayani (2024), yang menekankan keteladanan guru, pengukuhan kompetensi adab digital dan penggunaan teknologi secara seimbang. Namun, kajian tersebut membincangkan adab dan *ta'dib* sebagai pendekatan umum dalam pendidikan karakter. Kajian ini memperluaskan perbincangan tersebut dengan mengagihkan tanggungjawab pendidikan kepada lima fungsi guru yang saling melengkapi. Dalam hal ini, *murabbi* membina kebiasaan dan sahsiah, *muallim* membimbing kefahaman ilmu, *muaddib* menghubungkan ilmu dengan tingkah laku, *mudarris* menyusun pengalaman pembelajaran, manakala *mursyid* pula sebagai panduan moral dan kerohanian.

Walau bagaimanapun, kerangka dalam kajian ini memperincikan perbincangan tersebut dengan memberikan perhatian kepada pihak yang mengoperasikan nilai berkenaan dalam proses pendidikan. Melalui Model 5M, tanggungjawab membina karakter digital diterjemahkan kepada fungsi khusus guru. Peranan *muallim* mengukuhkan penilaian dan kefahaman ilmu, *muaddib* membentuk integriti serta tingkah laku beradab, *mudarris* mengurus proses pedagogi secara bertahap, *murabbi* membina kebiasaan dan hubungan pendidikan, manakala *mursyid* memberikan arah moral serta rohani. Dengan demikian, kajian ini mengalihkan penekanan daripada reka bentuk kurikulum kepada pembentukan identiti guru sebagai penggerak utama pendidikan berteraskan adab.

Peranan *murabbi* menjadi asas utama kepada pembinaan hubungan pendidikan yang berterusan bagi membolehkan proses pembentukan sahsiah berlaku melalui interaksi dan teladan. Dalam masa yang sama, *muallim* berfungsi sebagai pentafsir ilmu dalam menghadapi kepelbagaian maklumat digital, sekali gus memastikan pelajar mendapat kefahaman yang sahih. Peranan *muaddib* pula dikenal pasti sebagai komponen paling kritikal dalam menangani krisis adab, kerana ia menghubungkan pengetahuan dengan perlakuan melalui pembinaan nilai dan disiplin diri. Seterusnya, *mudarris* berperanan memastikan proses pengajaran disusun secara sistematik dan relevan dengan keperluan pembelajaran semasa, termasuk penggunaan teknologi secara berkesan tanpa mengabaikan aspek nilai. Sementara itu, *mursyid* melengkapkan kerangka ini dengan memberikan bimbingan rohani dan arah tuju dalam membentuk jati diri pelajar, khususnya dalam menghadapi cabaran moral dalam persekitaran digital.

Hasil dapatan ini membawa kepada satu penemuan penting, iaitu krisis adab tidak boleh ditangani melalui pendekatan yang tidak menyeluruh. Sebaliknya, ia memerlukan satu pendekatan yang bersifat holistik dan bersepadu yang menggabungkan dimensi intelektual, spiritual, akhlak dan pedagogi secara serentak. Dalam hal ini, Model 5M berfungsi sebagai satu kerangka yang bukan sahaja menjelaskan peranan guru, tetapi turut menyediakan asas bagi menstrukturkan semula identiti guru Pendidikan Islam dalam konteks semasa.

Secara tidak langsung, kajian ini membawa satu pendekatan yang menghubungkan pemikiran klasik Ibnu Khaldun dengan keperluan pendidikan digital masa kini melalui Model 5M. Berbeza dengan kajian terdahulu yang meneliti konsep adab, teori Pendidikan Islam atau peranan guru secara berasingan, dimana kajian ini menggabungkan kesemua elemen tersebut dalam satu kerangka konseptual yang menyeluruh. Pendekatan ini membolehkan pemikiran

klasik diterjemahkan kepada bentuk yang praktikal dalam konteks pendidikan kontemporari. Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pengukuhan identiti guru melalui Model 5M berpotensi menjadi asas penting dalam menangani krisis adab dalam Pendidikan Islam era digital. Kerangka ini bukan sahaja memberi sumbangan kepada perkembangan teori Pendidikan Islam, malah turut membuka ruang kepada pembinaan model pendidikan yang lebih responsif terhadap cabaran semasa.

Kesimpulan

Krisis adab dalam Pendidikan Islam pada era digital masa kini bukan sekadar berpunca daripada perkembangan teknologi semata-mata, malah ia juga berkait dengan kelemahan dalam membentuk identiti guru sebagai peranan utama dalam pendidikan. Dapatan kajian ini menegaskan bahawa ketidakseimbangan antara penguasaan ilmu dan pembentukan sahsiah telah mengurangkan keberkesanan pendidikan dalam melahirkan insan yang beradab dan berakhlak. Berdasarkan analisis yang dijalankan, pemikiran Ibnu Khaldun melalui konsep *malakah*, *tadarruj* dan adab menyediakan asas teoritikal yang kukuh dalam memahami proses pembentukan insan secara menyeluruh. Namun demikian, keberkesanan teori tersebut bergantung kepada keupayaannya untuk diterjemahkan ke dalam bentuk yang lebih praktikal dan sesuai dengan konteks semasa.

Dalam hal ini, Model 5M yang merangkumi peranan *murabbi*, *muallim*, *muaddib*, *mudarris* dan *mursyid* telah menunjukkan potensi sebagai kerangka yang mampu mengintegrasikan dimensi intelektual, spiritual, akhlak dan pedagogi dalam satu struktur yang bersepadu. Sumbangan utama kajian ini adalah membangunkan satu pendekatan bersepadu yang menghubungkan pemikiran klasik dengan keperluan pendidikan masa kini. Pendekatan ini menunjukkan bahawa usaha menangani krisis adab memerlukan penstrukturan semula identiti guru secara menyeluruh. Melalui kerangka Model 5M, guru tidak lagi dilihat sebagai penyampai ilmu semata-mata, tetapi sebagai pembina sahsiah, pembimbing nilai dan agen transformasi dalam menghadapi cabaran pendidikan era digital.

Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa usaha memperkukuh Pendidikan Islam memerlukan penekanan yang seimbang antara pembangunan ilmu dan pembentukan adab. Oleh itu, institusi pendidikan, pembuat dasar dan pendidik perlu memberi perhatian yang lebih serius terhadap pembangunan identiti guru yang bersepadu sebagai asas dalam membina generasi yang bukan sahaja berpengetahuan, tetapi juga beradab dan bertanggungjawab dalam menghadapi realiti dunia digital.

Secara umumnya, kajian ini menyumbang kepada perkembangan wacana Pendidikan Islam dengan mengemukakan satu kerangka konseptual yang bersifat menyeluruh dan relevan dengan cabaran masa kini. Pendekatan yang diketengahkan ini membuka ruang kepada kajian lanjutan, khususnya dalam mengaplikasikan Model 5M dalam pelbagai konteks pendidikan bagi menilai keberkesanannya secara empirikal.

Penghargaan:	Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA atas sokongan dan kemudahan yang diberikan sepanjang kajian ini dijalankan..
Penyataan Pembiayaan:	Kajian ini tidak menerima sebarang pembiayaan.
Pernyataan Konflik Kepentingan:	Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan berkaitan penerbitan kertas kerja ini. Semua penulis telah menyumbang kepada kajian ini dan telah meluluskan versi akhir manuskrip untuk penyerahan kepada International Journal of Education, Psychology and Counselling (IJEPC).
Pernyataan Etika:	Kajian ini tidak melibatkan sebarang responden manusia, haiwan, atau data sensitif yang memerlukan kelulusan etika. Penulis mengesahkan bahawa penyelidikan ini telah dijalankan selaras dengan prinsip integriti akademik dan piawaian etika penerbitan yang diterima umum.
Pernyataan Sumbangan Penulis:	Semua penulis telah menyumbang secara signifikan terhadap pembangunan manuskrip ini. Semua penulis telah membaca dan meluluskan versi akhir manuskrip sebelum penyerahan.

Rujukan

- Al-Quran al-Karim.
- Al-Attas, S. M. N. (1972). *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Petaling Jaya: Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).
- Al-Attas, S. M. N. (1999). *The Concept of Education in Islam: A Framework for an Islamic Philosophy of Education*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC).
- Alaika M Bagus Kurnia PS & Nelud Darajaatul Aliah. (2021). *Tadarruj dan TIKRAR Terhadap Evaluasi Pembelajaran Tartil al-Quran Dalam Perspektif Kitab Muqaddimah Ibn Khaldun*. Al-Insyiroh: Jurnal Studi Keislaman. Vol. 7 (1). <https://doi.org/10.35309/alinsyiroh.v7i1.185>
- Arinushkina, A. A., Morozov, A. V., & Robert, I. V. (2023). *The Impact of Digitalization in A Changing Educational Environment*. IGI Global. <https://doi.org/10.4018/979-8-3693-0433-4>
- Aziz, F. A., Wijaya, A. W., Rozaqiy, R. R., Tazkiyyah, I., & Assegaf, A. R. (2026). *Rekonstruksi Kurikulum Berbasis Pemikiran Ibnu Khaldun: Adab, Akal dan Interaksi Sosial Sebagai Respons Krisis Karakter di Era Digital*. Jurnal MUDARRISUNA: Media Kajian Pendidikan Agama Islam. Vol. 16 (1). 79-102.
- Azizan, N. I., Ismail, N., Mohd Zin, S. M., Sani, K., & Abdul Halim, A. (2024). Konsep pendidikan Ibn Khaldun dan amalan pendidikan di Malaysia. *e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*. <https://doi.org/10.53840/ejpi.v12i1.197>
- Azman, M. H., Md Zabir, M. N., Megat Khalis, P. Z., Shahuddin, S. A., Ahmad, M. F., & Zachariah, T. Z. (2024). Pengetahuan dan Kemahiran Teknologi Guru Pelatih Abad Ke 21. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 17, 109–116. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol17.sp2.11.2024>
- Creswell, J. W. (2014). *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches*. Los Angeles: SAGE Publications.
- Ibnu Khaldun. (1967). *The Muqaddimah* (F. Rosenthal, Trans). New Jersey: Princeton University Press.
- Ibnu Khaldun. (2015). *Al-Muqaddimah*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Islami, N., & Musyarri, F. (2026). Artificial Intelligence in Islamic Education: A Theological and Regulatory Study. *Jurnal Paradigma*, 18(1), 92-112. <https://doi.org/10.53961/paradigma.v18i1.425>
- Jaakkola, E. (2020). *Designing conceptual articles: Four approaches*. *AMS Review*, 10(1–2), 18–26. <https://doi.org/10.1007/s13162-020-00161-0>
- Jadidah, A. (2024). Relevansi Konsep Adab Guru-murid menurut Al-Ghazali dengan Pendidikan Kontemporer: Studi Kitab Bidāyah al-Hidāyah. *Interdisciplinary Explorations in Research Journal*, 2(1). <https://doi.org/10.62976/ierj.v2i1.758>
- Mohamad Zarkhuan Zainol, Azmil Hashim, Mohamad Marzuqi Abdul Rahim. (2021). Tahap Kualiti Modal Insan Guru Baharu Pendidikan Islam Berdasarkan Teori Malakah Ibnu Khaldun. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan Guru*.
- Muhammad Zulazizi Mohd Nawawi. (2020). *Peranan Guru Pendidikan Islam Dalam Membawa Transformasi Terhadap Mobiliti Sosial Dalam Masyarakat*. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*. <https://doi.org/10.37231/jimk.2020.21.3.42>
- Naqiyah, B., & Handayani, A. (2024). Konsep adab dan ta'dib dalam Pendidikan Islam: Relevansinya bagi pendidikan karakter di era digital. *Jurnal Ilmiah Pendidikan Guru Madrasah Ibtidaiyah STAI Al-Amin Gersik*. Vol. 3(1), 151-168.

- Noornajihan Jaafar, Ab. Halim Tamuri, Nurul Asiah Fasehah Muhamad, Norzulaili Mohd Ghazali, Robiatul Adawiyah Mohd, Norakyairee Mohd Raus & Syed Najihuddin Syed Hassan. (2012). *The Importance of Self-Efficacy: A Need For Islamic Teachers as Murabbi*. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2012.11.421>
- Noornajihan Jaafar & Zetty Nurzuliana Rashed. (2015). *Model Kualiti Guru Pendidikan Islam Sebagai Murabbi*. Tinta Artikulasi Membina Ummah 1 (1): 101-108.
- Nur Hanani Hussin & Ab. Halim Tamuri. (2017). *Faktor Perkembangan Pengetahuan Kandungan Pedagogi Dalam Kalangan Guru Cemerlang Pendidikan Islam*. Online Journal Of Islamic Education 5(2): 20-28.
- Nurul Asiah Fasehah Muhamad, Noornajihan Jaafar & Zetty Nurzuliana Rashed. (2015). *Model Pengajaran 5 Mim dari Perspektif al-Quran*. Prosiding Seminar Wahyu Asas Tamadun IV Peringkat Antarabangsa. 289-297. Nilai: Fakulti al-Quran dan Sunnah, USIM.
- Rahima, T., Nisa, T. K., & Aditya, M. F. (2024). The role and characteristics of educators in Islamic education. *JUDIKIS (Jurnal Pendidikan Islam)*, 1(3), 172–179. <https://doi.org/10.70938/judikis.v1i3.66>
- Rani Selfiana, Meysi Salsahbilla, Salasiah, Cesa, Siti Mahmudah Noorhayati. (2026). *Konsep Pendidikan Ibnu Khaldun: Studi Pustaka Tentang Relevansi Terhadap Pendidikan Islam Kontemporer*. *Jurnal Pendidikan Indonesia: Teori, Penelitian dan Inovasi*. <https://doi.org/10.59818/jpi.v6i1.2508>
- Razak, N. N., & Norman, H. (2025). Mengintegrasikan Kecerdasan Buatan (AI) dalam kalangan guru bagi subjek RBT yang berasaskan TMK. *Jurnal Pendidikan Sains dan Matematik Malaysia*, 15(2), 69–77. <https://doi.org/10.37134/jpsmm.vol15.2.6.2025>
- Rosmawati Mohamad Rasit & Norhapizah Mohd Burhan. (2024). *Pendidikan Islam Era Digital*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ruhaiza Padzil. (2021). *Pengaruh Kompetensi Moral dan Kelaziman Sosial Sebagai Moderator Ke Atas Hubungan di Antara Kecenderungan Kerohanian Islam dan Atmosfera Moral Terhadap Kecenderungan Tingkah Laku Delinkuen Dalam Kalangan Murid Sekolah Menengah*. Tesis PhD. Sintok: Universiti Utara Malaysia (UUM).
- Rustim, S. S., Tiong Wei Nie, W., Ejaipi, A. E., Panjabi, N. I. A. M. K. A., Zufayri Hussin, M. S., Ismail, U., Husaini, S. N., & Husin, M. R. (2022). Kesan daripada pandemik: Murid hilang rasa hormat terhadap guru. *Journal of Humanities and Social Sciences*, 4(2), 89–103. <https://doi.org/10.36079/lamintang.jhass-0402.391>
- Salinda Sahrin & Mohamad Zulkifli Abdul Ghani. (2022). *Pendekatan Al-Muaddib Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Guru Pendidikan Islam*. *Jurnal Pengajian Islam*. Vol. 15 (2). 241-259.
- Turkle, S. (2011). *Alone Together: Why We Expect More from Technology and Less from Each Other*. New York: Basic Books.
- Veny Eka Yogawati Ivansyah. (2025). *Krisis Adab di Era Digital: Tantangan Pendidikan Islam Kontemporer*. *ALMUSTOFA: Journal of Islamic Studies and Research*. Vol. 2 (02). 701-710.
- Wan Abdullah, W. A. A., Abdul Razak, K., & Hamzah, M. I. (2021). Model guru Pendidikan Islam komprehensif. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*, 4(1), 63–74.
- Yuli Tri Astuti. (2023). *Metode Pembelajaran Tadarruj dan Relevansinya Terhadap Pendidikan Dasar Islam*. Institut Agama Islam Negeri Curup.
- Zaenal Arifin, (2021). *Filsafat Pendidikan Islam Perspektif Ibnu Khaldun*. Al-Ifkar. Vol. XV (1). 4-18.

Zaki, M. Z. A. M., & Kamsin, I. F. (2025). Transformasi Pendidikan Digital Malaysia Dalam Menangani Cabaran Pasca Pandemik. *International Journal of Modern Education*, 7(27), 324-339.